



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

**MESYUARAT KUMPULAN KERJA
INSTITUSI AUDIT TERTINGGI ANTARABANGSA (INTOSAI)
MENGENAI SUSULAN AUDIT
26-27 JUN 2025**

UNTUK SIARAN SEGERA

PULAU PINANG, 26 Jun 2025 – Kumpulan Kerja mengenai Susulan Audit (Working Group on Follow-up Audit-WGFA) yang dipengerusikan oleh Malaysia dan baru ditubuhkan di bawah Institusi Audit Tertinggi (International Organization of Supreme Audit Institution : INTOSAI) mengadakan Mesyuarat Pertamanya di Pulau Pinang dari 26 - 27 Jun 2025.

Mesyuarat ini menghimpunkan 71 orang juruaudit daripada 43 Institusi Audit Tertinggi (Supreme Audit Institutions-SAI) merangkumi rantau Asia, Arab, Afrika, Eropah, Pasifik dan Carribean. Kehadiran mesyuarat terdiri daripada Ketua Audit serta pegawai kanan Institusi Audit Tertinggi dari Bulgaria, Bhutan, Republik Czech, Kemboja, Oman, Afrika Selatan, Saint Lucia, Thailand, Turkiye dan lain-lain negara.

Dalam ucapan pembukaan beliau, YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara merangkap Pengerusi INTOSAI WGFA menekankan bahawa kejayaan penubuhan WGFA di bawah kepengerusian Malaysia menunjukkan komitmen negara-negara INTOSAI ke arah pembentukan rangka kerja kolaboratif global yang lebih dinamik bagi memperkasa amalan susulan audit secara lebih berstruktur, sistematik dan berimpak tinggi.

Antara intipati utama yang akan dibincangkan sepanjang Mesyuarat ini adalah:

- i. Pemuktamadan Terma Rujukan INTOSAI WGFA yang akan menjadi landasan utama bagi hala tuju dan operasi Kumpulan Kerja baru ini ke arah memperkukuh kebertanggungjawaban serta penambahbaikan berterusan dalam pengauditan sektor awam.
- ii. Pembentangan dan perbincangan pelbagai amalan terbaik susulan audit oleh negara ahli. Ini termasuk pembentangan dari SAI Malaysia mengenai Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (Auditor General's Dashboard – AGD) yang memuat naik semua isu-isu yang dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan disusuli oleh Jabatan Audit Negara (JAN) secara aktif sehingga selesai. Sejak tahun 2024 sehingga kini, sebanyak RM157.73 juta hasil negara telah berjaya dikutip susulan kepada pengauditan yang telah dijalankan di peringkat Persekutuan dan Negeri.
- iii. Di bawah Rancangan Kerja WGFA 2025–2028, Kumpulan Kerja akan melaksanakan inisiatif jangka panjang untuk membangunkan Garis Panduan Amalan Terbaik bagi susulan audit, dengan kerjasama ahli-ahli INTOSAI. Garis panduan ini akan menyediakan panduan praktikal yang berasaskan pengalaman yang dibentuk secara berperingkat melalui input bersama dan kerjasama berterusan.
- iv. Itizam bersama negara-negara ahli INTOSAI WGFA dalam memperkasa mekanisme susulan audit sebagai tonggak kepada pembaharuan sektor awam di peringkat global yang lebih telus dan berintegriti. Antara yang dijangka dibincangkan termasuk keperluan latihan khusus serta pemantapan kapasiti ahli WGFA demi mempertingkatkan kualiti susulan audit di negara masing-masing.

Penganjuran Mesyuarat ini mendapat sokongan dan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB) dan pelbagai agensi Kerajaan dalam menyumbang kepada pemerkasaan sektor pelancongan, keusahawanan dan ekonomi negeri.

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Audit Negara**





**PRESS RELEASE
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
NATIONAL AUDIT DEPARTMENT MALAYSIA**

**THE INAUGURAL MEETING OF THE INTERNATIONAL
ORGANISATION OF SUPREME AUDIT INSTITUTIONS (INTOSAI)
WORKING GROUP ON FOLLOW-UP AUDIT (WGFA)
26-27 JUNE 2025**

FOR IMMEDIATE RELEASE

PENANG, 26 June 2025 – The newly established Working Group on Follow-up Audit (WGFA) under the International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI) chaired by Malaysia will hold its inaugural meeting in Penang from 26-27 June 2025.

This meeting gathers together 71 auditors from 43 Supreme Audit Institutions (SAIs) spanning across various regions from Asia, Middle East, Africa, Europe, the Pacific to the Caribbean. Delegates include Auditor Generals and senior level officials from various countries including Bulgaria, Bhutan, Czech Republic, Cambodia, Oman, South Africa, Saint Lucia, Thailand, Turkiye and others.

In her opening remarks, YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Auditor General of Malaysia and Chair of the INTOSAI WGFA, emphasised that the successful establishment of the WGFA under Malaysia's Chairmanship reflects the shared commitment among INTOSAI member countries towards building a strong global collaborative framework to enhance follow-up audit practices in a more structured, systematic, and impactful manner.

Key highlights and outcomes of the Meeting is expected to include:

- i. Adoption of the INTOSAI WGFA Terms of Reference, which will serve as the main foundation for the Working Group's strategic direction and operations towards enhancing accountability and continuous improvement in public sector auditing.

- ii. Country presentations and discussion of best practices in follow-up audits by member SAIs. These include a special presentation from the Department of National Audit Malaysia regarding the Auditor General's Dashboard (AGD) that looks and follow up on all issues as reported in the Auditor General's Report (LKAN) until it is resolved, therefore enabling real-time, proactive audit monitoring. From 2024 to date, a total of RM157.73 million has been successfully collected through the implementation of follow-up audit at Federal and State level.
- iii. Under the WGFA 2025–2028 Work Plan, the Working Group will embark on a long-term initiative to develop a Good Practice Guideline on Follow-Up Audit, in collaboration with INTOSAI members. This document will offer practical, experience-based guidance for all SAIs on follow up audit best practices based on collective input and continuous cooperation.
- iv. Shared commitment among INTOSAI WGFA member countries to strengthen follow up audit mechanism as a cornerstone of public sector reform at the global level anchored in transparency, integrity and action-oriented governance. Discussion is expected to be centered on specific training needs and capacity building requirements for WGFA members to enhance the level of follow up audit in their respective countries.

The organization of this Meeting was supported and carried out in collaboration with the Penang State Government including the Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB) and other Government Departments contributing to the empowerment of the State's tourism, entrepreneurship and economic growth.

Issued by:
National Audit Department of Malaysia

